


ULASAN BUKU



Bahan Kimia Dalam Kehidupan Harian : Adakah Kita Selamat?

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021.

ISBN 9789834926489

ULASAN

Memang tidak dapat dinafikan bahawa bahan kimia bermanfaat kepada manusia. Kilang pembuatan bahan kimia atau kilang pembuatan produk mengandungi bahan kimia telah mewujudkan peluang pekerjaan serta membangunkan ekonomi sesebuah negara. Menurut laporan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, daripada sepuluh barang eksport tertinggi Malaysia pada tahun 2013, bahan kimia dan produk bahan kimia telah mencatat empat kedudukan, iaitu produk petroleum (tempat kedua), produk gas asli cecair (tempat ketiga), bahan kimia (tempat keempat) dan petroleum mentah (tempat keenam). Walau bagaimanapun, bahan kimia juga membawa kesan buruk kepada manusia dan alam sekitar. Bahan kimia boleh menjejaskan kesihatan manusia seperti menyebabkan ketoksikan akut dan kronik ataupun mencemarkan alam sekitar dengan memberi kesan buruk kepada flora dan fauna.

Buku *Bahan Kimia dalam Kehidupan Harian : Adakah Kita Selamat?* ini mengandungi empat bahagian iaitu penggunaan bahan kimia, bahaya dan kesan buruk bahan kimia, keselamatan dan pengurusan bahan kimia dan inisiatif keselamatan bahan kimia. Bahagian pertama memberikan penekanan terhadap penggunaan bahan kimia, khususnya di sektor pertanian dan sektor tenaga suria.

Bahagian ini membincangkan kebergantungan manusia terhadap penggunaan bahan kimia, ini termasuklah penggunaan pestisid untuk mengawal perosak demi menjamin bekalan makanan yang mencukupi, walaupun penggunaan pestisid yang tidak terkawal boleh mengakibatkan risiko pencemaran ekosistem. Begitu juga untuk sektor tenaga, walaupun tenaga suria merupakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui yang lebih efektif dan memberi impak minimum kepada alam sekitar, malah penggunaan peranti seperti sel suria fotovolta (PV) yang menukar tenaga suria kepada tenaga elektrik mengandungi bahan kimia yang berbahaya.

Bahagian kedua membincangkan bahaya dan kesan buruk bahan kimia. Bahagian ini ditulis berdasarkan teori Parascelsus, seorang toksikologi yang terkenal, menyatakan bahawa semua bahan adalah bersifat toksid. Kuantiti dos berbeza yang membezakan bahan tersebut sebagai ubat ataupun racun. Teori ini terpakai untuk bahan kimia, kerana semua bahan kimia adalah bahaya kepada kita dan hanya kuantiti dos menentukan sama ada bahan kimia tersebut menjadi racun ataupun menjadi ubat. Pendedahan bahan kimia terhadap manusia melalui pernafasan, pemakanan ataupun sentuhan yang mengakibatkan penyakit turut dibincangkan. Ia termasuk kemerosotan kecerdasan otak (Intelligence Quotient, IQ) kanak-kanak, penyakit radang paru-paru, penyakit sistem saraf dan penyakit kanser. Selain daripada manusia, bahan kimia juga memberi kesan buruk terhadap alam sekitar. Bahagian ini menerangkan punca pencemaran bahan kimia daripada domestik, industri dan sumber semula jadi serta jenis pencemaran kimia dalam air. Hal ini termasuk pencemaran logam berat, pencemaran sebatian nitrogen, pencemaran kimia organik persisten dan pencemaran lain. Sesetengah pencemar bahan kimia adalah bersifat bioakumulasi dan biomagnifikasi, maka pencemar ini akan memasuki rantai makanan dan seterusnya balik kepada manusia kerana manusia berada kepada kedudukan yang tertinggi dalam rantai makanan.

Bahagian ketiga memberikan penekanan ke atas keselamatan dan pengurusan bahan kimia. Memang tidak dapat dinafikan bahawa bahan kimia memainkan peranan yang penting dalam kehidupan harian kita, malah kejadian ataupun kemalangan membabitkan bahan kimia amat membimbangkan pelbagai pihak. Bahan kimia mesti dikawal dan diuruskan dengan baik sepanjang hayat bahan kimia tersebut, iaitu semasa proses pengilangan, pengangkutan, penggunaan, pengendalian, penyimpanan sehinggalah kepada pelupusan atau pun rawatan demi

melindungi keselamatan dan kesihatan manusia serta alam sekitar. Bahagian ini juga membincangkan penggunaan sejenis bahan kimia yang kontroversi di peringkat antarabangsa dan Malaysia iaitu asbestos.


Bahagian keempat menerangkan inisiatif keselamatan kimia yang boleh mengurang atau membasmi risiko bahan kimia. Konsep Kimia Hijau diterangkan dalam bahagian ini dengan mengambil kira kitaran hayat keseluruhan proses kimia yang terlibat dalam pembuatan bahan kimia atau produk yang mengandungi bahan kimia. Industri menerapkan konsep Kimia Hijau bertujuan untuk mempromosikan teknologi kimia inovatif bagi mengurangkan atau mengelakkan penggunaan dan penghasilan bahan berbahaya dalam perekaan, pembuatan, pemprosesan dan penggunaan produk kimia. Bahagian ini juga membincangkan persepsi orang awam terhadap bahan kimia dengan menggunakan kajian kes di Kerteh dan Gebeng. Hasil kajian kes telah menunjukkan orang awam berpendapat bahawa persepsi risiko berkenaan perlu diambil kira dan dipertimbangkan supaya dasar pengurusan risiko menjadi lebih berkesan.

Bahan kimia memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia, daripada asas kehidupan kepada peningkatan kualiti hidup. Walaupun membawa manfaat kepada manusia, tetapi penggunaan dan pengurusan bahan kimia yang tidak betul akan memberi kesan buruk kepada manusia dan alam sekitar. Oleh itu buku ini dapat memberi gambaran berkaitan dengan penggunaan dan aplikasi bahan kimia, bahaya dan sistem pengurusan bahan kimia serta inisiatif yang dapat mengurang atau membasmi risiko bahan kimia.

Pengulas

Beghum Ulfhat Shehnaaz binti Amir Razli
Pustakawan (S41)
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



LOKMAN ABDUL HAMID
**Perubatan al-Quran Rawatan Kanser : Quranic
Medicine in Healing Cancer**
Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd., 2019.
ISBN 9789672250449

ULASAN

Masyarakat Islam sekarang menganggap al-Quran hanya dibaca ketika solat, tadarus bulan Ramadan, upacara khatam al-Quran semasa majlis perkahwinan dan untuk beroleh pahala. Setelah selesai semua tujuan itu, al-Quran hanya ditinggalkan begitu sahaja tanpa dibaca, tanpa diamalkan hukum didalamnya dan tanpa dihayati tiap bait patahnya. Malah lebih penting lagi, ada yang terus melupakannya dan menganggap al-Quran itu tidak penting dalam kehidupan.

Sebenarnya, 'keajaiban' mukjizat Nabi Muhammad S.A.W ini jauh lebih besar. Ia bukan sahaja sebagai bacaan pada waktu solat, malah menjadi panduan hidup kerana ayat-ayatnya mencakupi pelbagai skop. Salah satu daripadanya adalah sebagai penawar kepada semua penyakit kecuali mati. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"Dan Kami turunkan daripada al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman...." (Surah al-Isra' 17: ayat 82)

Dalam masyarakat Melayu khususnya di Malaysia, ramai yang sudah meyakini kemampuan ayat-ayat suci al-Quran menjadi penawar. Namun, ia hanya diyakini bagi mengubati penyakit-penyakit yang bersifat spiritual atau penyakit kerohanian. Misalnya seperti sihir, santau, saka, rasukan jin dan

sebagainya. Pada masa yang sama, masih ramai lagi masyarakat kita yang kurang yakin bahawa ayat-ayat suci al-Quran mampu malah berkesan merawat penyakit bersifat fizikal. Contohnya seperti kencing manis, darah tinggi, sakit jantung, sakit urat saraf, gastrik, ketumbuhan dalam otak dan kanser. Ini disebabkan kita tidak melihat proses penyembuhan melalui ayat-ayat al-Quran tersebut sukar untuk diterima akal apabila hanya dengan membaca ayat-ayat suci al-Quran, penyakit-penyakit yang bersifat fizikal ini dapat sembuh tanpa sebarang rawatan menelan ubat atau tanpa sebarang pembedahan.

Sebagai Muslim, kita perlu yakin bahawa setiap penyakit itu ada penawarnya. Allah S.W.T. mengirimkan penyakit bersama penawar. Justeru jangan berputus asa, bersedih dan terus menyalahkan takdir dengan penyakit yang menimpa diri kita. Sebaliknya cari jalan penyelesaian untuk penyakit tersebut. Terdapat pelbagai jenis penyakit yang muncul dalam masyarakat kita sekarang. Penyakit-penyakit ini mungkin datang dari pelbagai punca antaranya persekitaran, gaya hidup, genetik dan mungkin juga ada yang datang daripada hasad dengki orang lain. Penyakit-penyakit ini boleh kita kategorikan kepada enam kategori utama iaitu:

a. Sakit Kanak-kanak

Penyakit yang dihadapi oleh kanak-kanak yang biasanya bermula sejak kelahiran lagi seperti *sindrom down*, *cerebral palsy*, hiperaktif dan *autism*.

b. Sakit Gangguan

Sakit gangguan seperti sihir dan santau adalah penyakit berpunca daripada makhluk-makhluk halus.

c. Sakit Kesuburan

Penyakit berkenaan dengan kesukaran mendapatkan zuriat setelah sekian lama mendirikan rumah tangga. Antaranya ialah *endometrisis*, *fibroid*, bilangan sperma rendah, sista ovari dan sebagainya.

d. Sakit Akhlak

Penyakit ini dapat disimpulkan sebagai penyakit yang menjejaskan pemikiran, gaya hidup, perlakuan, sikap dan emosi. Ia berpunca daripada gaya hidup yang tidak sihat.

e. Sakit Fizikal

Sakit fizikal adalah penyakit yang boleh menjejaskan fizikal pesakit dan boleh mengancam nyawa. Biasanya tahap-tahap penyakit ini dapat diukur dan kesannya dapat dilihat dengan mata kasar. Misalnya penyakit darah tinggi, kencing manis, batu karang, sakit buah pinggang, kanser, penyakit jantung dan gout.

f. Sakit Mental

Penyakit mental adalah penyakit yang melibatkan gangguan pada fungsi otak yang menyebabkan perubahan kepada proses pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Contoh penyakit mental adalah kemurungan, kebimbangan, *anxiety*, *skizofrenia*, kecelaruan bipolar, psikosis dan *panic attack*.

Al-Quran adalah medium penawar kepada penyakit. Ia bukan sahaja memberi penyembuhan kepada pesakit dengan izin Allah S.W.T., tetapi juga memberi pelbagai manfaat lain kepada pesakit yang mengamalkannya. Kebanyakan pesakit yang mendapatkan rawatan kanser melalui terapi al-Quran bersikap lebih terbuka dan tenang serta reda dengan penyakit kanser yang menimpa mereka. Berdasarkan pemerhatian penulis tekanan perasaan dan stres merupakan antara punca menyebabkan sel-sel kanser merebak jauh dan parah. Maka rawatan melalui ayat-ayat suci al-Quran bukan sahaja menyembuhkan kanser, malah membantu mengawal emosi pesakit agar tidak berasa tertekan dan sentiasa bersikap tenang dalam apa jua keadaan.

Pengamalan ayat-ayat suci al-Quran sebagai rawatan kanser secara tidak langsung membuat pesakit merasakan diri mereka lebih dekat dengan Allah S.W.T. Setiap apa yang dilafazkan, hati mereka akan bergantung harap kepada

Allah S.W.T. seratus peratus. Selain sembuh dari kanser, mereka yang menjalani rawatan tersebut juga mengakui bahawa mereka menjadi lebih tenang dan dekat dengan Allah S.W.T. Itulah falsafah sebenar sebuah ujian daripada tuhan.

Secara kesimpulannya, pengamalan ayat-ayat suci al-Quran sebagai rawatan kanser dapat menyucikan hati dan jiwa pesakit. Sesungguhnya ujian kesakitan bukanlah alasan untuk kita semakin jauh daripada Allah S.W.T. dengan mempertikaikan takdirnya. Sebaliknya ujian kesakitan ini membawa kita lebih dekat dengan Allah S.W.T. Apabila diri begitu hampir denganNya, tiada yang lebih baik daripada itu dan segala permasalahan daripada kehidupan terutamanya berkaitan penyakit akan dipermudahkan.

Pengulas


Ashiah binti Mohd Nor

Penolong Pustakawan Kanan (S32)

Bahagian Pembangunan Modal Insan

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



AMIRUL ADLI ABD AZIZ, ASLIZAH MOHD ARIS,
FAIKAH AWANG @ ISMAIL, MUADZ AHMAD
MAZIAN

MikrobFRWD : “Kenali Dunia Mikroskopik”
Negeri Sembilan: Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Negeri Sembilan, 2021.
ISBN 9789671737583

ULASAN

Buku ini mengandungi 5 topik utama yang memfokuskan bidang mikrobiologi dan juga revolusi industri sebagai pendedahan awal kepada pembaca berkaitan asas bidang mikrobiologi. Penerbitan buku ini adalah sejajar dengan situasi semasa yang berlaku secara global dan memberi impak yang besar kepada kita semua akibat penularan wabak pandemik COVID-19. Buku ini bertindak sebagai medium penyampaian maklumat untuk menambah pengetahuan kepada pembaca berkaitan kewujudan dan kepelbagaian mikroorganisma yang terdapat di alam ini. Penulisan yang ringkas dan padat dengan maklumat bergambar digabungkan dengan fakta-fakta yang menarik secara santai pasti dapat memupuk minat para pembaca untuk mendalami bidang mikrobiologi. Penulis turut menambah aktiviti interaktif yang boleh diakses melalui telefon pintar supaya dapat mengukuhkan lagi pemahaman pembaca.

Topik pertama yang diketengahkan oleh penulis dalam buku ini adalah "Apa itu Mikrobiologi". Mikrobiologi merupakan bidang yang berperanan penting dalam mengkaji organisma yang sangat kecil dan tidak boleh dilihat menggunakan mata kasar. Oleh itu, organisma-organisma ini dilihat serta dikaji menggunakan alat mikroskop serta digelar sebagai organisma mikroskopik atau

ringkasnya mikroorganisma. Mikroorganisma terdiri daripada unisel (satu sel) atau multisel (banyak sel). Mikroorganisma menyumbang kepada kepelbagaian hidupan serta terbahagi kepada bermacam jenis kehidupan seperti bakteria, archae, protozoa, virus dan kulat.

Pengenalan serta penjelasan lebih terperinci kepada kewujudan mikroorganisma bakteria turut dibincangkan di dalam topik kedua buku ini. Bakteriologi iaitu bidang yang mengkaji bakteria mendapati bakteria merupakan kumpulan organisma unisel yang juga dikenali sebagai kuman. Anton Van Leeuwenhoek merupakan pakar ahli bakteria (bacteriologist) yang pertama menemui bakteria pada tahun 1674 melalui penggunaan mikroskop yang diciptanya sendiri. Perkataan bakteria diambil dari perkataan Greek yang bermaksud kayu kecil. Struktur bakteria terdiri daripada dinding sel, membran plasma, sitoplasma, nukleoid, plasmid, flagela, dan ribosom yang mempunyai fungsinya tersendiri. Pembiakan bakteria turut dijelaskan oleh penulis melalui ilustrasi agar pembaca lebih mudah faham akan proses pembiakan bakteria ini. Selain itu, ilustrasi bentuk bakteria yang terbahagi kepada 3 bentuk utama seperti Kokus, Rod, dan Lingkar turut digambarkan dalam buku ini.

Topik ketiga menghuraikan mengenai Kulat atau Fungi di mana kulat boleh dijumpai di seluruh permukaan bumi sama ada di darat, air, atau pada tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Menurut penulis, terdapat banyak variasi saiz kulat dan lebih kurang 100,000 spesies kulat telah dikenal pasti oleh pakar ahli mikologi iaitu ahli sains yang mengkaji tentang kulat. Kulat mempunyai ciri-ciri yang berbeza dengan organisma lain dari segi struktur sel, cara pemakanan, dan kaedah pembiakan. Kulat adalah organisma penting dalam bidang industri termasuklah dalam industri pembuatan makanan dan minuman, penghasilan ubat-ubatan, penghasilan enzim, serta rawatan sisa buangan. Ruang "Tahukah Anda" yang digunakan oleh penulis untuk menambah fakta yang menarik berserta ilustrasi dengan warna yang sesuai membuatkan pembaca lebih tertarik untuk meneruskan bacaan.

"Virus" merupakan topik keempat yang diuraikan dalam buku ini. Sesuai dengan keadaan masa kini, pembaca semestinya ingin lebih mengenali secara mendalam ciri-ciri yang terdapat pada virus. Umum mengetahui serangan virus yang melanda negara memberikan impak yang amat besar dalam kehidupan harian. Oleh yang demikian, kewujudan buku ini sebagai sumber rujukan untuk dijadikan panduan kepada generasi masa kini dan akan datang sangat berguna. Salah satu sifat virus adalah bersaiz ultramikroskopik antara 20nm hingga 450nm (diameter). Virus tidak aktif di luar sel perumah dan hanya aktif di dalam sel perumah. Struktur asas virus terbahagi kepada teras asid nukleik, kapsid, sampul dan jejaring protein. Struktur-struktur asas virus ini secara jelas diterangkan oleh penulis di dalam buku. Struktur asas virus turut mempengaruhi pembentukan protein kapsid sesuatu virus. Terdapat 5 proses yang merangkumi kitaran pembiakan virus seperti penjerapan, penembusan, sintesis, pematangan dan pelepasan.

"Eksplorasi mikrobiologi dalam industri" sebagai topik terakhir buku ini yang mana dapat membantu pembaca untuk bersiap-siaga dalam mendepani cabaran mendatang kesan daripada Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Kesan revolusi industri membawa kepada beberapa perubahan terutamanya kepesatan dalam bidang pertanian, peningkatan perdagangan antarabangsa, perubahan sosio-politik, dan perubahan keperluan kemahiran pekerja. Bidang mikrobiologi dan IR 4.0 mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Ini termasuk kemudahan pangkalan data, fasiliti keselamatan, eksplorasi ahli astromikrobiologi, persidangan maya di peringkat global, pencarian sumber tenaga alternatif serta ekspedisi dunia baru di angkasa raya. Pendedahan awal laluan kerjaya IR 4.0 dalam bidang mikrobiologi turut dinyatakan untuk membuka minda pembaca secara lebih meluas.

Sebagai seorang pengulas buku ini, saya amat menyukai cara penyampaian penulis. Di samping penggunaan kosa kata yang jelas serta penerangan makna kata saintifik yang ditonjolkan oleh penulis, penyampaian yang santai dengan ilustrasi yang menarik membuatkan pembaca tidak berasa bosan untuk meneruskan pembacaan. Penyampaian maklumat secara ringkas

dan padat yang di gunakan oleh penulis sememangnya bersesuaian untuk pelbagai peringkat umur khususnya pelajar. Kesimpulannya, buku ini boleh dijadikan bahan bacaan bagi menambah ilmu pengetahuan dalam bidang mikrobiologi dan membuka mata masyarakat akan kewujudan mikroorganisma yang terdapat di muka bumi ini.

Pengulas


Khairunisah binti Mohd Ellias @ Ellias

Penolong Pengarah

Pusat Bibliografi Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MUHAMMAD ABD. RAZAK
**Kedah Tua : Tamadun Terawal Asia Tenggara :
Samudera, Manusia, Besi Mencipta Peradaban**
Kuala Lumpur: Dar Al Wahi Publication, 2021.
ISBN 9789670729404

ULASAN

Buku ini ditulis mengenai Sungai Batu, Lembah Bujang, Kedah Tua berikutan penemuan Tapak Arkeologi Sungai Batu oleh Professor Dato' Dr Mokhtar Saidin dan pasukan penyelidikinya yang bukan sahaja membuka lembaran baru bidang arkeologi dan sejarah Malaysia, malahan Asia Tenggara keseluruhannya. Ribuan tahun dahulu, Semenanjung Tanah Melayu sebuah wilayah yang meliputi sehingga ke Segenting Kra. Penulis mengulas tentang Sungai Batu di mana telah membuka satu dimensi luas dalam bidang arkeologi, pra-sejarah, proto-sejarah dan sejarah negara. Penulis juga ada memetik beberapa ayat yang berbunyi: *"20, 30 tahun dulu, kita tidak pernah bermimpi penemuan yang sebegini hebat boleh berlaku di negara kita."* Apa yang dimaksudkan oleh beliau adalah tentang penemuan relau dan bukti peleburan besi purba oleh masyarakat tempatan berskala industri. Penemuan jutaan longgokan tuyere sebagai bukti yang tidak boleh dipertikaikan mengenai kepesatan perusahaan besi di Sungai Batu.

Penulis menjawab segala persoalan yang pasti ingin diketahui jawapannya oleh komuniti arkeologi dan sejarah. Siapakah masyarakat industri di Semenanjung Melayu? Bagimanakah ia boleh bermula 2800 tahun yang lalu?

Bagaimanakah sosio budaya mereka? Apakah corak pemerintahan mereka? Siapakah pemimpin mereka? Apakah nama negeri itu? Ini merupakan antara soalan-soalan yang sering membelenggu di fikiran para peminat malahan pengamal arkeo-sejarah negara. Namun, sukar bagi penulis untuk menjawab kerana tiada petunjuk dari catatan sejarah dan tidak keterlaluan jika dikatakan ada kelompongan peristiwa selama 600 tahun antara abad ke dua (2) SM dan abad ke lapan (8) SM. Penulis menyatakan bahawa sebelum Sungai Batu dijumpai, hanya catatan India tentang *kazhakathu akkam* merupakan petunjuk terawal sejarah Kedah Tua dan catatan Dinasti Han tentang kapur barus sebagai petunjuk kerajaan purba di Semenanjung Melayu.

Justeru, penulis sebagai pengendali Halaman Sungai Batu 788 BC; The Great Kingdom of Kedah Tua, berasa terpacu untuk meneroka dan menggali catatan-catatan sejarah serantau untuk melihat petunjuk-petunjuk yang signifikan dengan Kedah Tua, yang juga dikenali sebagai Kataha, Kalah, Chieh Cha, Kadaram, Kataram, Kantouli dan berbagai nama lagi. Sehingga kini, penulis telah menulis berbagai subjek, antaranya tentang relau, tuyere, peleburan besi, kapak besi tulang mawas, dermaga, monumen ritual, bata dan atap tanah liat bakar.

Untuk memahami Sungai Batu lebih mendalam, subjek lain juga harus dibuat kajian seperti pedang Qala'i, pembuatan pedang, dagangan pedang, kapal, pembuatan kapal, suku Kunlun, kapal Melayu Kunlun, kota pelabuhan, dagangan dengan China, India dan Arab. Subjek-subjek sebegini harus disentuh untuk evolusi masyarakat dan industri besi Kedah Tua yang telah dikenalpasti bermula dari tahun 788 SM.

Penulis juga telah menulis mengenai Timur dan Barat Hindi, definisi maritim India Timur dan makna al-Hind. Bahan bacaan ilmiah telah banyak dikumpul dan disampaikan oleh penulis kepada pembaca. Banyak catatan sejarah penulis yang harus diterokai semula dan dihubungkan dengan fakta arkeologi melalui tiga (3) penemuan penting iaitu, peleburan besi, kapal dan dermaga di Kompleks Arkeologi Sungai Batu. Namun, penulis menekankan bahawa di antara tiga (3) penemuan tersebut, Sungai Batu telah membongkarkan

tamadun manusia sejagat. Penulis juga telah menyentuh mengenai kapur barus kerana ia merupakan hasil hutan yang amat berharga yang hanya boleh didapati di Sumatera, Semenanjung Melayu dan Borneo. Kapur barus telah menjadi bahan dagangan sezaman dan peleburan besi di Sungai Batu. Jongkong besi dan kapur barus bukan hanya sekadar menjadi komoditi malah ia juga berfungsi sebagai matawang dan bahan pertukaran yang bernilai.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur terutamanya kepada mereka yang meminati bahan bacaan berkenaan para arkeologi dan bidang arkeologi itu sendiri. Buku ini juga sesuai untuk dijadikan sebagai perkongsian ilmu bersama ahli keluarga dan sahabat handai. Penerangan yang menarik berserta gambar, peta, grafik dan data-data yang terperinci yang cuba ditonjolkan oleh penulis mampu menarik minat pembaca selain memberikan penjelasan yang mudah difahami oleh masyarakat awam. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna dan penting untuk dibaca oleh semua individu yang menghargai bidang arkeologi secara khususnya dan menyelami sejarah Kedah Tua secara amnya.

Pengulas


Mohamad Sharizal bin Omar

Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Pembangunan Dan Perpustakaan Desa

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Covid-19 Dari Perspektif Sains Sosial : Implikasi dan Solusi

Kuantan, Pahang: Universiti Malaysia Pahang, 2021.
ISBN 9789672831099

ULASAN

Buku ini mengandungi lima bahagian secara khususnya yang membincangkan perihal masalah penyakit Covid-19. Penularan Covid-19 juga mencetuskan limitasi dalam pergerakan manusia bagi memutuskan rantai wabak sekali gus bermulalah kehidupan dan fasa norma baharu. Fenomena ini telah mempengaruhi aktiviti bekerja, bersosial, belajar, keluar membeli-belah dan semua aktiviti kehidupan yang lain. Pelbagai ketidakpastian dan natijah yang timbul dari segi kerisauan, cemas, tertekan dan bimbang. Kompleksiti artikel dan bahan yang disediakan dalam buku ini boleh dimanfaatkan oleh semua tanpa mengira latar belakang mahupun status seseorang kerana kandungan yang relevan dengan isu diri, keluarga dan masyarakat sejagat.

Bab 1 menerangkan situasi ketidakseimbangan emosi yang dialami oleh masyarakat berikutan berlakunya pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membataskan segala aktiviti harian dalam tempoh menjalani kuarantin. Ekoran itu, masa yang panjang sebaiknya digunakan untuk aktiviti yang memberi manfaat buat seisi keluarga. Bagi memahirkan diri di dalam pengawalan aspek emosi, individu harus mengenalpasti situasi yang boleh mengembirakan mereka dan cuba menjauhkan diri daripada situasi yang boleh membuatkan kita berasa marah, sedih dan sebagainya.

Dalam fasa pandemik Covid-19 ini juga peranan ibu bapa sangat penting untuk memantau kegiatan, perkembangan dan tingkah laku anak-anak mereka. Tuntasnya, setiap apa yang berlaku membuatkan individu melakukan proses penyesuaian diri dalam norma baharu. Hal ini kerana cabaran bertali arus daripada wabak ini menjadi asas kukuh kepada pembentukan kekuatan diri yang mantap, tahan uji dan tabah menempuh arus perubahan yang secara mendadak.

Bab 2 menerangkan aspek kesihatan mental semasa wabak Covid-19 perlu diambil berat oleh setiap individu. Umum mengetahui bahawa perasaan yang menyelubungi seseorang menjadi masalah besar sekiranya isu tersebut berlarutan dan menjejaskan kualiti serta fungsi harian kita. Kaedah yang terbaik mendapatkan bantuan dan penilaian komprehensif daripada pakar yang bertauliah. Kesihatan mental adalah sangat penting bagi mengendali emosi individu dengan baik sekali gus menyumbangkan tenaga dan produktiviti kepada negara.

Bab 3 memberikan beberapa contoh bagaimana teknologi *biofeedback* digunakan dalam sesi rundingan cara konflik individu dan rumah tangga serta sesuai digunakan untuk membantu individu yang menghadapi masalah tekanan emosi akibat pandemik Covid-19. Teknologi *biofeedback* adalah teknik baharu yang sesuai digunakan oleh kaunselor, jurunding, keluarga, ahli psikologi, guru dan mana-mana individu yang berhasrat melihat perubahan individu secara lebih jelas dan objektif. Sudah tiba masanya teknologi ini diguna pakai oleh orang awam yang ingin mempelajari perubahan diri disokong oleh data empirikal secara jelas.

Bab 4 dan 5 telah membincangkan mengenai cabaran dan cara untuk membantu anak-anak dalam pembelajaran mereka semasa pandemik Covid-19. Perkara utama yang disampaikan dalam bab ini adalah mengenai peranan ibu bapa mengawasi pembelajaran anak-anak semasa tempoh wabak ini agar mereka tidak tercicir. Tidak dinafikan beberapa peperiksaan utama persekolahan telah dimansuhkan oleh kerajaan, namun tidak bermakna anak-anak tidak perlu lagi untuk belajar dan membuat kerja sekolah. Sebaliknya jadual waktu yang sewajarnya adalah perlu bagi memastikan keberlangsungan pembelajaran anak-anak.

Konflik diri dan keluarga yang berlaku serta mekanisma terbaik bagi mengatasi permasalahan ini turut dihurai di dalam Bab 6 dan 7. Bab 6 menerangkan fungsi keluarga dalam mengatasi tekanan akibat daripada pandemik Covid-19 melalui pelbagai aspek diantaranya komunikasi positif, orientasi spiritual, penghargaan dan kasih sayang. Bab 7 pula memperincikan mengenai medium talian khidmat sokongan seperti Talian Kasih, Bantuan Psikososial Covid-19 Mercy Malaysia, *Befriender* dan banyak lagi. Penggunaan teknologi komunikasi yang seiring dengan peredaran masa, kini sangat membantu individu yang memerlukannya.


Bab 9 pula, sebagai penutup memperlihatkan aspek kerohanian sebagai elemen yang membantu individu mencapai keseimbangan semasa dilanda tekanan masalah, lantaran penularan wabak Covid-19 dengan membawa pembaca mereflek situasi pandemik. Jika dilihat daripada sudut positif adalah manusia perlu kembali kepada fitrah dan agama serta meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT serta meningkatkan keimanan. Krisis kehidupan yang berpaksikan materialistik menyebabkan manusia semakin jauh daripada agama dan mengikis keimanan umat Islam. Maka kita semua dituntut supaya kembali kepada landasan kehidupan bertauhid agama Islam yang sebenar.

Sebagai kesimpulan, hakikat ujian yang menimpa adalah satu ketentuan daripada Yang Maha Esa. Namun begitu, setiap individu perlu mempunyai kekuatan moral dan keutuhan sifat kerohanian yang merupakan pemangkin, penggerak untuk kita lebih yakin dan berani berhadapan dengan perubahan serta cabaran. Amalan berunsurkan kerohanian dalam Islam sebenarnya bertujuan untuk memelihara status manusia sebagai khalifah Allah SWT dan sentiasa meletakkan matlamat hidup untuk mencapai keredhaan Allah SWT.

Pengulas

Mohd Zafri bin Zainol
Penolong Pustakawan (S29)
Bahagian Komunikasi Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



ZUNAIDA ZAKARIA, ABDUL RAZAQ AHMAD
**Pengetahuan dan Kefahaman Sejarah Rakyat
Malaysia**

Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2020.

ISBN 9789672388333

ULASAN

Buku *Pengetahuan dan Kefahaman Sejarah Rakyat Malaysia* ini terhasil daripada kajian di peringkat doktor falsafah. Penulisan ini bertujuan untuk menilai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Sejarah) dalam mencapai matlamat yang perlu dilakukan dari semasa ke semasa. Maklum balas ini diperlukan bagi melihat dan mengetahui tentang sejauh mana pelaksanaan kurikulum tersebut berjaya dicapai sepertimana yang digariskan. Bagi memastikan sama ada kurikulum itu berjaya dilaksanakan, kekuatan dan kelemahan kurikulum itu perlulah dikenal pasti terlebih dahulu. Oleh itu, penulisan ini diharap dapat memberikan maklumat dan panduan berguna kepada pihak yang berkepentingan dalam menggubal dasar dan kurikulum. Antara pihak yang berkepentingan ialah pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Buku ini mengandungi lapan bab yang disusun daripada teori kepada penulisan. Bab 1 membincangkan Pendidikan Sejarah di Malaysia. Dalam bab ini, dibincangkan isu-isu permasalahan pendidikan sejarah di Malaysia. Bab 2 membincangkan Kurikulum bagi Pendidikan Sejarah di Malaysia. Antara yang dibincangkan ialah Kurikulum Standard Sekolah Rendah, pengetahuan terhadap

kurikulum sejarah, pendidikan Sejarah di sekolah rendah di Malaysia, organisasi dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Sejarah) di Malaysia dan kemahiran dalam pembelajaran Sejarah.

Bab 3 membincangkan Jati Diri dan Patriotisme Rakyat Malaysia. Antara yang dibincangkan adalah ciri-ciri diri seorang warganegara yang baik, konsep patriotisme, patriotisme dan jati diri, konsep negara bangsa, pengetahuan dan penghayatan konsep patriotisme, serta patriotisme dan semangat cinta akan tanah air. Bab 4 membincangkan Teori dan Model Patriotisme. Bab ini membincangkan empat teori dan model berkaitan patriotisme, iaitu Teori Sistem Ekologi, Model Kompetensi Professional, Teori dan Amalan Pembinaan Kurikulum, dan Model Patriotisme.

Bab 5 pula membincangkan tentang sokongan dari persekitaran dan pengetahuan guru sejarah. Dalam bab ini, antara aspek yang dibincangkan ialah pengetahuan terhadap isi kandungan, pengetahuan pedagogi, dan penggunaan bahan bantuan mengajar (BBM) serta teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Bab 6 membincangkan pengetahuan dan kefahaman sejarah dalam kalangan guru sekolah rendah. Antara yang dibincangkan termasuklah dapatan tentang pengetahuan guru Sejarah terhadap pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah, serta perbandingan berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar dalam kalangan guru Sejarah tentang pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Bab 7 membincangkan Pengetahuan dan Kefahaman Sejarah dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. Antara tajuk yang dibincangkan ialah pengetahuan dan kefahaman jati diri dalam kalangan murid sebagai warganegara Malaysia, serta perspektif murid tentang jati diri berdasarkan jantina dan etnik. Bab 8 secara khusus membincangkan Sumbangan Penulisan terhadap Pengetahuan dan Kefahaman tentang Sejarah Malaysia.

Penulisan ini juga diharap dapat memberi gambaran mengenai kelebihan dan kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum Sejarah di dalam bilik darjah bagi meningkatkan lagi jati diri murid. Hal ini membolehkan pelbagai langkah penambahbaikan boleh diambil dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi pelaksanaan kurikulum Sejarah dalam bilik darjah. Dapatan penulisan juga

penting dalam menyediakan maklum balas bagi pelaksanaan kurikulum Sejarah di bilik darjah supaya pelbagai bentuk bantuan dapat disediakan dan dapat memantapkan lagi pelaksanaan kurikulum Sejarah di dalam bilik darjah. Selain itu penulisan ini juga dapat dijadikan panduan dalam melaksanakan segala unsur kandungan yang terdapat di dalam perlembagaan negara dan menunjukkan kesungguhan dalam melaksanakan dasar negara yang berteraskan aspirasi pembangunan berterusan. Perpaduan dan jati diri bangsa bergantung kepada wujudnya usaha yang berterusan dan bersungguh-sungguh.

Kesimpulannya, buku *Pengetahuan dan Kefahaman Sejarah Rakyat Malaysia* membincangkan tahap pengetahuan rakyat Malaysia tentang sejarah Malaysia. Kajian telah dijalankan terhadap guru dan murid sekolah rendah untuk melihat sejauh mana guru dan murid sekolah rendah mempunyai pengetahuan dan kefahaman terhadap sejarah Malaysia. Kajian mendapati guru sejarah sekolah rendah menyerap kurikulum sejarah sekolah rendah melalui penguasaan pedagogi mengajar sejarah dan kemahiran pemikiran sejarah. Guru sejarah dapat mengaplikasi mata pelajaran sejarah ini melalui kaedah pengajaran sejarah yang efektif, menggunakan buku teks sejarah dengan efektif, menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar sejarah serta menggunakan pelbagai kaedah penilaian dan kemahiran pemikiran sejarah. Hasilnya murid yang diajar memahami dan mengetahui kandungan sejarah Malaysia. Ini secara tidak langsung membina kefahaman dan jati diri murid sekolah rendah.

Pengulas


Noorzaimah binti Razali

Penolong Pengarah

Bahagian Pinjaman

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MUHD HAMIDUDDIN AHMAD
7 Keajaiban Diet Rasulullah
Selangor: Publishing House Sdn Bhd, 2020.
ISBN **9789674814144**

ULASAN

Buku menarik ini mengandungi sepuluh bab yang membincangkan secara terperinci mengenai diet yang berlandaskan amalan Rasulullah SAW. Rujukan dan panduan dari petikan ayat suci Al-Quran dan Hadis turut disediakan bagi pemahaman yang lebih mampan.

Apakah itu diet? Isu diet sering dikaitkan dengan aktiviti berlapar dan disalah erti oleh masyarakat tempatan. Maksud diet yang sebenarnya adalah sesuatu pilihan makanan, yang dipilih atau ditentukan khas untuk meningkatkan atau memperbaiki keadaan kesihatan seseorang atau untuk menghalang mahupun merawat penyakit. Dalam bab kedua, penulis menerangkan apakah yang diperlukan oleh badan seorang manusia untuk kekal sihat. Antara bahan makanan yang perlu adalah karbohidrat, protein, lemak, zat galian, air, vitamin, kalori dan serat yang dari sumber halal bagi muslim. Selain itu, BMI turut diterangkan dalam bab kedua ini. Index Jisim Tubuh (IJT) atau lebih dikenali Body Mass Index (BMI) adalah untuk mengukur berat badan seseorang berbanding dengan ketinggian untuk dibuat penilaian. BMI ini terbahagi kepada empat kategori iaitu kurang berat badan, berat badan ideal, berat badan berlebihan dan obesiti.

Penulis menceritakan kaedah pemakanan Rasulullah merupakan keajaiban pertama dalam bab ketiga. Perkara yang penting perlu dititik beratkan adalah umat Islam wajib makan hanya dari sumber yang halal sifat zat dan batinnya. Selain itu, makan sebelum lapar dan berhenti sebelum kenyang merupakan rahsia Rasulullah SAW kekal sihat dan tidak pernah ditimpa sakit. Rasulullah turut mengamalkan beberapa makanan yang sihat atau lebih sinonim makanan sunnah yang sangat baik untuk kesihatan sejagat. Antara makanan tersebut adalah buah tamar atau kurma, kismis, habbatus sauda dan madu. Penulis menerangkan secara klinikal tentang khasiat makanan yang selalu dipandang serong oleh masyarakat dan pembaca boleh mengamalkan dalam diet seimbang kehidupan seharian. Bab keempat menerangkan keajaiban kedua iaitu kaedah minum Rasulullah. Tidak sempurna diet seorang manusia tanpa air. Badan manusia memerlukan air untuk tubuh badan berfungsi dengan baik. Hal ini kerana badan manusia terdiri daripada enam puluh peratus cecair. Pembaca dapat belajar bagaimana cara Rasulullah minum iaitu sekurang-kurangnya dua atau tiga kali tegukan dalam jarak masa yang singkat. Teknik bernafas ketika minum turut diterangkan kepada pembaca. Pembaca dapat mengenal pasti air minuman terbaik diamalkan ketika diet seimbang iaitu air zam-zam, susu kambing, air campuran madu dan air sejuk dalam bab keempat.

Bab kelima menyentuh keajaiban ketiga, kaedah ibadah Rasulullah. Dalam bab ini penulis menerangkan kebaikan ibadah sama ada dari segi rohani dan jasmani. Pembaca turut disajikan tips yang berkesan bagi memudahkan urusan ibadah harian. Keajaiban keempat iaitu kaedah riadah Rasulullah. Dalam bab keenam ini dijelaskan bahawa riadah turut memainkan peranan yang penting untuk mengekalkan tubuh badan yang sihat dan mental yang cerdas. Penulis juga menceritakan bagaimana Rasulullah SAW pernah mengalahkan jaguh gusti di tanah Arab suatu ketika dahulu.

Bab ketujuh mengenai kaedah tidur Rasulullah. Penulis menjelaskan bahawa tidur merupakan aspek penting untuk hasil kerja yang berkualiti. Jenis pola tidur serta tips untuk amalan pembaca bagi mendapatkan tidur yang lebih


nyenyak dan berkualiti. Tambahan, pembaca turut diberi penerangan mengenai waktu-waktu tidur serta adab tidur yang sentiasa dipandang enteng oleh sesetengah pihak. Keajaiban keenam yang menceritakan kaedah pekerjaan Rasulullah di bab kelapan. Pembaca dapat memahami setiap hikmah pekerjaan yang dilakukan oleh Rasulullah melalui pengalaman baginda. Pekerjaan juga merupakan satu ibadah di dalam Islam seiring dengan niat insan. Pembaca dapat memahami bagaimana konsep pekerjaan dapat membentuk seorang dari segi akhlak dan budi contoh sifat amanah dalam pekerjaan yang dilakukan. Akhir sekali, keajaiban ketujuh ialah rutin harian Rasulullah. Bagaimanakah rutin harian Rasulullah dijadikan salah satu kaedah diet yang baik? Dalam bab kesembilan ini diceritakan oleh penulis bahawa Rasulullah SAW merupakan seorang individu yang berjalan dengan cukup pantas sehingga sukar sahabat baginda untuk mengejar. Cara baginda berjalan juga digambarkan sangat cantik dan teratur.

Kesimpulannya, buku ini sangat sesuai bagi semua peringkat umur yang ingin mengamalkan gaya hidup sihat. Rasulullah SAW merupakan idola dan contoh terbaik bagi umat Islam untuk dijadikan ikutan. Penulis menyediakan penerangan yang jelas dan terperinci agar tidak bosan dan mudah difahami. Selaku pengulas, buku ini amatlah menarik untuk dijadikan panduan oleh semua pihak.

Pengulas:

Nur Alya Nazirah binti Ariffin
Penolong Pengarah
Bahagian Sumber Elektronik
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



KHAIRUL KHAIRUDIN, FARIS NAZRIN, DURA AIN, HIDAYU, DR ZUL AZLIN, DR MOHD HAZREEN, DR HIDAYAH JARIS
Aku Dijangkiti Kehidupan : Cerita-Cerita Pesakit Dan Perawat Psikiatri
Cheras, Selangor: Penerbitan Katapilar, 2020.
ISBN 9789672014669

ULASAN

Buku ini mengandungi empat bab utama yang secara khususnya membincangkan perihal kes-kes pesakit psikiatri yang juga penulis untuk buku tersebut. Dalam himpunan catatan ini, ianya juga menceritakan tentang masalah kesihatan mental dan psikiatri serta sedikit perkongsian daripada para perawatnya. Perawat psikiatri juga tampil dengan pelbagai kes berserta data-data secara saintifik menurut ilmu perubatan moden diselitkan dalam setiap bab.

Dalam bab pertama, penulis Faris Nazrin dengan tajuk “hidup dalam mimpi” telah memberi pendedahan awal kepada para pembaca untuk memahami tentang kondisi *Schizoaffective Disorder* dan *Bipolar Mood Disorder*. *Schizoaffective Disorder* merupakan kombinasi kepada dua komponen penyakit mental iaitu gejala skizofrenia dan gejala kecelaruan mood (mood disorder). *Bipolar Mood Disorder* pula keadaan di mana pesakit mengalami kemurungan dan *manic* (keterujaan emosi yang abnormal) secara berfasa (bersilih ganti). Pesakit telah menyatakan dalam empat belas tajuk kecil tentang perjalanan terjadinya kondisi gangguan mental tersebut. Penulis juga melampirkan tangkapan skrin aplikasi *Whatsapp* daripada kawan-kawannya yang menjelaskan tentang babak-babak yang berlaku ketika

penulis *blackouts* disebabkan penyakit mental tersebut. Selain daripada itu, perawat psikiatri iaitu Dr. Zul Azlin menceritakan tentang pengalaman beliau mengendali kes-kes *home visit* pesakit yang mengalami masalah gangguan mental. Dr. Mohd Hazreen juga ada mengisahkan tentang isu pesakit yang ketagih dengan masalah dadah ketika bertugas di Klinik *Methadone*.

“Hidayu : tangis dan tawa di sebalik topeng” ialah bab kedua yang perlu dihayati oleh para pembaca untuk lebih memahami perihai pelbagai kondisi penyakit mental. Melalui bab ini, penulis menjelaskan kepada para pembaca tentang keadaan *major depressive disorder with psychotic symptoms* yang dihipunkan didalam enam belas bab khusus mengenai penyebab tercetusnya masalah kesihatan mental. Seterusnya, Dr. Mohd Hazreen mendakwa bahawa pengambilan ganja oleh pesakit untuk merawat kemurungan telah banyak berlaku, manakala Dr. Hidayah Jaris memberitahu dengan cara meluahkan perasaan tentang punca dan situasi yang mendorong kepada kemurungan dapat merawat penyakit tersebut sebelum melarat.

Penulis memberi ringkasan yang berjudul “Khairul Khairudin : penjara dalam kepala” dalam bab ini yang menghimpunkan kondisi *obsessive compulsive disorder, panic disorder* dan *depressive disorder*. Ini dapat dilihat daripada lima belas bab kecil yang membelenggu pesakit tentang fasa-fasa awal penyakit OCD mengakibatkan beliau merasa rimas akan suatu rutin atau peraturan yang dicipta oleh minda sendiri. Dr. Zul Azrin mengkhabarkan tentang peringkat awalan seorang pesakit bernama Suki yang menghidap penyakit Kecelaruan Obsesif-Kompulsif (*obsessive-compulsive disorder* atau OCD) yang telah melarat kepada Kemurungan Major.

Bab terakhir menampilkan kes keempat, “Dura Ain : apabila hidup meminta lebih daripada yang mampu” yang mengalami *major depressive disorder, bipolar disorder* dan *obsessive-compulsive disorder*. Dua puluh satu judul kecil yang menceritakan tentang pengalaman penulis mendapatkan rawatan psikatri bersama pakar kesihatan mental, di samping mengulas tentang situasi dan punca gangguan kesihatan mental tersebut. Dr. Hidayah

Jaris mengemukakan kes tentang seorang pesakit berumur 83 tahun yang mengalami depresi sehingga mengganggu fikiran dan konsentrasinya mengakibatkan dia kerap lupa, serta simptom masalah mania (*manic*) seorang pesakit *spot diagnosis* yang dipanggil sebagai Makcik Salmah oleh Dr. Mohd Hazreen.


Dapat disimpulkan bahawa salah satu faktor menarik buku ini ialah setiap bab utama dalam buku ini menyediakan ruang ringkas Klinik Mini dan Pamflet Psikiatri untuk para pembaca agar lebih memahami dan memberi kesedaran supaya dapat mengesan penyakit tersebut sebelum kondisi menjadi kritikal serta dapat dijadikan perkongsian kepada ahli keluarga dan sahabat handai. Pelbagai petua dan nota pendek daripada golongan profesional yang berdepan dengan setiap kondisi masalah mental telah diuraikan pada setiap bab bagi memberi gambaran lebih terperinci kepada para pembaca. Tambahan pula, saya amat menggemari definisi ringkas tentang maklumat psikiatri yang disediakan dalam setiap bab untuk pembaca seperti saya yang tiada pengetahuan terperinci tentang dunia psikiatri ini.

Sebagai pengulas buku ini, saya amat menyarankan buku ilmiah ini kepada semua pembaca daripada pelbagai kalangan umur agar masalah kesihatan mental lebih dikenali dan dapat dibantu oleh masyarakat awam. Penerangan yang mudah di samping data-data lanjut yang ditekankan oleh penulis sangat mesra pembaca dan dapat memupuk minat pembaca untuk mengikuti jalan cerita buku tersebut hingga pengakhirannya. Kesimpulannya, buku ini sangat bermanfaat dan berharga untuk dimiliki dan dibaca oleh setiap individu yang mementingkan kesihatan mental diri sendiri dan orang sekeliling secara amnya bagi melahirkan masyarakat yang sihat mental dan bertolak ansur.

Pengulas

Nur Athirah Binti Ismail
Penolong Pustakawan
Bahagian Kandungan Digital
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



SAADON AWANG, SHARIFAH SOFIAH 'ATIQA SYED IBRAHIM

Dinamik Hubungan Manusia Dalam Organisasi
Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia, 2021.
ISBN 9789672486565

ULASAN

Buku ini mengandungi lima bahagian yang secara khususnya membincangkan tentang sumber manusia dan dinamik hubungannya di dalam dan dengan persekitaran organisasi yang menjalankan fungsi dan peranan masing-masing. Perbincangan memberikan tumpuan utama kepada tahap kedua yang melibatkan penggunaan sumber manusia dalam organisasi. Tahap ini menjelaskan tentang pelbagai interaksi manusia yang berlaku dalam organisasi. Corak interaksi manusia ini berlaku dalam pelbagai bentuk, terarah secara menegak, mendatar dan matriks. Corak interaksi ini dikenali sebagai hubungan manusia dalam organisasi.

Dalam bahagian pertama, penulis memberi pendedahan awal kepada para pembaca untuk memahami akan teori dan konsep asas hubungan manusia, konsep organisasi, konsep manusia, konsep manusia dalam organisasi, konsep hubungan manusia, dinamik hubungan manusia serta teori dan gerakan hubungan manusia dalam organisasi.

Dalam bahagian kedua pula, penulis menerangkan tentang hubungan intrapersonal dalam organisasi dimana, memahami diri sendiri (self-understanding), perbualan sendiri (self-talk), diri sendiri dan orang lain (self and other people), membangunkan diri sendiri (self-development) dan sifat semula jadi individu. Pihak pengurusan sesebuah organisasi perlulah memberikan perhatian aspek keseimbangan emosi dalam pelaksanaan kerja bagi mencapai produktiviti dan

kualiti yang cemerlang. Teori *attribution* yang ingin dijelaskan oleh penulis adalah bagaimana manusia menilai dan menentukan punca tingkah laku orang lain.

Manakala, dalam bahagian tiga, penulis juga mengulas tentang pentingnya komunikasi yang berkesan dan ia mampu menggalakkan produktiviti dan meningkatkan semangat pekerja. Di samping pengurusan emosi adalah penting dalam bidang pengurusan sumber manusia, kelakuan organisasi, dan psikologi organisasi terutamanya dari segi kepimpinan, membuat keputusan, menangani perubahan dalam organisasi, dan pengurusan konflik. Kebolehan dari sudut emosi merupakan keupayaan yang boleh dipelajari dan mampu meningkatkan prestasi di tempat kerja. Seterusnya, penulis juga menceritakan tentang kumpulan dinamik. Di dalam setiap jabatan atau urusan jika tidak mempunyai kumpulan kerja yang bersatu dalam membuat atau melaksanakan sesuatu kerja, organisasi atau syarikat itu tidak mampu mencapai sesuatu matlamat yang disasarkan. Jadi kumpulan dinamik ini amat penting bagi melaksanakan suatu tugas, yang akan dibahagi-bahagikan dan dengan ini, mereka akan menjadi lebih dalam bidang tugas masing-masing. Ini seterusnya akan mempengaruhi ahli-ahli dalam kumpulan untuk berkomunikasi dengan berkongsi masalah-masalah mereka. Semasa perbincangan, sudah tentu banyak strategi penyelesaian masalah akan diutarakan. Ini akan memudahkan pihak organisasi atau syarikat menyelesaikan sesuatu masalah.

Dalam bahagian empat pula, penulis membincangkan tentang kemahiran kepimpinan dan bahagian ini dibahagikan kepada empat tajuk utama iaitu, motivasi, kuasa, kepimpinan dan komunikasi, kepelbagaian di tempat kerja, dan *empowerment* atau pengupayaan. Di bawah motivasi, penulis menerangkan kesan-kesan ia terhadap psikologi, sosial, fizikal dan ekonomi. Seterusnya, kuasa, kepimpinan dan komunikasi ini penting dalam organisasi kerana ia mampu mempengaruhi pengikut dan melibatkan penggunaan kuasa oleh pemimpin dan penerimaan pengikut. Kebolehan mempengaruhi pengikut berhubung kait dengan memenuhi keinginan kepuasan pengikut. Seterusnya, adalah *empowerment*, dimana sikap dan ruang yang diberi untuk pengupayaan akan menyebabkan setiap individu berasa dihargai dan nampak syarikat menjaga kepentingan mereka. Inilah yang dimaksudkan semangat kepimpinan menjalar ke segenap pelusuk organisasi.

Pada bahagian kelima buku ini, penulis menerangkan tentang isu dan cabaran hubungan manusia dalam organisasi. Ini termasuklah disiplin, tekanan kerja, kepuasan kerja, penilaian prestasi, gangguan seksual dan perubahan persekitaran. Lazimnya, isu-isu dalam sesebuah organisasi berpunca daripada masalah-masalah biasa yang berkisar pada penglibatan dan pelaksanaan. Punca setiap masalah adalah kurangnya kesedaran diri, sama ada pada pasukan kepimpinan atau dalam kalangan kakitangan. Kesemua isu ini sebenarnya menjadi penghalang kepada organisasi untuk melahirkan warga yang cemerlang. Oleh yang demikian, sesebuah organisasi perlu mempertimbangkan kaedah dan langkah yang sesuai bagi mengatasinya.

Buku ini disyorkan kepada semua pembaca meliputi pelbagai peringkat umur terutamanya kepada mereka yang akan memulakan kerjaya dalam sesebuah organisasi. Ia sebagai persiapan lengkap menghadapi dunia sebenar yang mencabar di tempat kerja. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna dan penting untuk dibaca oleh semua individu yang mula bekerja pada usia yang agak muda, dan kesedaran bahawa kita perlu mematuhi arahan orang lain selain diri sendiri merupakan sesuatu yang amat sukar dihadapi. Namun, pekerjaan pertama kita, tidak kira betapa tingginya tekanan yang perlu dihadapi, akan menjadi pengajaran hidup paling berharga buat kita. Kita semua perlu belajar daripada kesilapan. Semasa melaksanakan tugas, mungkin kita akan melakukan kesilapan. Cabaran inilah yang menjadikan kita lebih matang dalam menangani masalah yang timbul di dalam pekerjaan. Sebenarnya, belajar merupakan satu proses sepanjang kehidupan. Oleh itu, usahlah terlalu takut untuk membuat kesilapan kerana pengalaman itu yang akan menjadikan kita lebih efisien dan cekap dalam melaksanakan tugas.

Pengulas


Nur Athirah Binti Yusof

Penolong Pustakawan

Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



YUSUF LIU BAOJUN
Laksamana Cheng Ho di Alam Melayu
Selangor : CM Diverse Sdn. Bhd., 2021
ISBN 9789671638774

ULASAN

Laksamana Cheng Ho adalah seorang muslim berbangsa Hui yang berasal dari daerah Yunnan di China. Beliau juga dikenali sebagai Sambo. Ayah dan datuknya mempunyai gelaran Haji, iaitu gelaran bagi orang Muslim Cina. Beliau pernah berada di beberapa buah bandar di selatan China iaitu Quanzhou, Guangzhou, Yangzhou dan Fuzhou menggunakan jalan laut atau dipanggil sebagai “Jalan Rempah” yang mempunyai pengaruh komuniti sosial yang besar. Hal ini dibuktikan dengan penemuan makam dua orang suci di Quanzhou dan juga Masjid Huaisheng di Guangzhou yang merupakan tempat bersejarah yang terawal dalam sejarah Islam di China.

Masyarakat Cina merupakan bangsa yang mahir menelusuri akar asal usul mereka. Ia menjadi penyebab utama mengapa Cheng Ho sering diperingati oleh orang Cina di Asia Tenggara. Faktor keagamaan bukanlah menjadi faktor utama terjadinya perkara tersebut tetapi lebih kepada persamaan kebudayaan yang kuat. Jika tidak manakan Cheng Ho, seorang pelopor muslim yang menjadi pujaan oleh kebanyakan komuniti Cina di Asia Tenggara. Berbeza dengan penjajahan awal oleh negara Barat di Timur, mereka memanfaatkan kelebihan tentera yang mereka miliki untuk memerintah dan menjajah negara-negara lain. Sebaliknya, Cheng Ho pula menjaga kebajikan masyarakat tradisional Cina di sini.

Tujuan buku ini diterbitkan adalah untuk meneruskan semangat Cheng Ho, agar para pembaca dapat mendalami pemahaman mereka mengenai hubungan baik

di antara China dan negeri-negeri Melayu di Asia Tenggara. Buku “Cheng Ho di Alam Melayu” ini ditulis bertujuan untuk menjelaskan bahawa Cheng Ho mempunyai pengaruh dalam masyarakat di Asia Tenggara. Beliau adalah tokoh sejarah yang mempromosikan integrasi tamadun Cina dan peradaban Melayu. Sebagai tambahan kepada kandungan edisi pertama, terdapat banyak perubahan dan penambahan pada keseluruhan isi kandungan buku ini.


Setelah membaca keseluruhan isi buku ini telah menjadikan saya begitu kagum dengan semangat yang dimiliki oleh laksamana Cheng Ho. Beliau sentiasa menjaga kebajikan masyarakat cina tradisional. Walau di mana sahaja berada, beliau akan menyemai rasa hormat, keharmonian dan kebaikan dalam menggalakkan persahabatan negara China dengan negara-negara lain. Dari segi sejarah, harus dilihat bahawa laksamana Cheng Ho mempunyai pengaruh dalam masyarakat Cina dan Melayu. Sebagai salah satu tokoh sejarah China yang dihormati, beliau adalah utusan perdamaian dan penyokong peradaban. Semestinya penulis telah membuat penyelidikan dalam mempromosikan makna kerohanian dan setia kawan dalam buku ini.

Tidak dinafikan bahawa Cheng Ho mempunyai pengaruh yang besar dalam menyebarkan peradaban Islam di Kepulauan Melayu. Beliau menjalin hubungan persahabatan bersama pemerintah Kesultanan Melayu dengan undangan untuk mengunjungi negara China. Kedua, beliau banyak membantu pembinaan masjid-masjid seperti yang beliau lakukan ketika tinggal di Indonesia dan masjid dengan seni bina cina seperti yang kita temui di Melaka. Yang ketiga adalah pelayaran beliau dengan membawa pelbagai khazanah peradaban Islam di China iaitu dengan membawa bersama peralatan seramik, daun teh dan karya kitab-kitab utama yang ditulis pada zaman kegemilangan tamadun Islam Arab. Kajian dan pemahaman tentang Cheng Ho meninggalkan banyak ruang dan misteri kerana ianya berlaku 615 tahun yang lalu telah meninggalkan banyak kisah dan lagenda yang tidak diketahui oleh generasi masa kini.

Pengulas

NurFatimah binti Mamat@Salim
Penolong Pustakawan
Bahagian Pembinaan Koleksi
Perpustakaan Negara Malaysia

SINOPSIS BUKU




MOHAMED FAUZI HUSIN
**Jenayah Rasuah di Malaysia :
Penyakit Sosial Merentas
Zaman**

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2020.
ISBN: 9789834921996

Buku ini secara umumnya lengkap dan merangkumi semua aspek tentang perlakuan jenayah rasuah, khususnya dalam konteks negara ini. Buku ini juga menerangkan teori, konsep tingkah laku jenayah rasuah, konsep pemberi, konsep penerima dan orang tengah dalam perlakuan jenayah rasuah. Buku ini dimulakan dengan pengenalan kepada definisi dan konsep jenayah rasuah dari aspek bahasa, budaya, undang-undang dan perspektif agama. Selain itu, penerangan diberikan tentang sejarah penubuhan agensi pencegahan rasuah di negara ini sejak 1957 sehingga kini. Bermula dengan penubuhan Badan Pencegah Rasuah (BPR) sehingga penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2009 dan penguatkuasaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Dalam tempoh itu, beberapa kali undang-undang antirasuah dipinda dan diperkukuh bagi memastikan usaha memerangi dan membendung penularan jenayah rasuah.


SINOPSIS BUKU



MOHD. ZUKI ALI
**365 Hari : Aspirasi dan
Cabaran**
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2021.
ISBN: 9789834930868

Buku *365 hari : Aspirasi dan Cabaran* ialah karya sulung hasil garapan penuh hikmah oleh Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara yang ke-15. Karya ini merupakan adunan daripada kumpulan amanat, ucapnama dan ucapan serta turut diperjelas menerusi wawancara dan artikel media yang bersesuaian bagi menggambarkan pemurnian hasrat dan cetusan idea oleh beliau sebagai pemimpin utama sektor awam di Malaysia. Tan Sri Mohd Zuki Ali dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada 1 Januari 2020 setelah mendapat limpah perkenan kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong XVI. Menelusuri kembara 365 hari beliau sebagai KSN akan menemukan khalayak pembaca dengan pelbagai peristiwa penuh cabaran yang unik dan tidak pernah berlaku dalam sejarah negara. Penerbitan ini dengan tuntas merangkumkan segala hemat dan pandangan beliau berdasarkan pengalaman luas menerusi ucapan dan karyanya dalam majlis acara yang diadakan dalam suasana norma baharu sepanjang 365 hari dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara.

SINOPSIS BUKU




**Extra Skills Extra Money :
Jana Pendapatan Tambahan
Dengan Hobi**

Pahang : Nurul Nadia Abd Aziz,
2021.

ISBN: 9789672568346

Buku *Extra Skills Extra Money : Jana Pendapatan Tambahan Dengan Hobi* ini mengandungi 11 bab yang mengupas profil insan yang berjaya melakukan kerja sambilan di samping tugas hakiki sebagai penjawat awam dan pekerja swasta. Buku ini dihasilkan khusus untuk mereka yang ingin mendalami ilmu keusahawanan bagi menjana pendapatan tambahan hanya dengan bermodalkan hobi, minat dan kemahiran. Para penulis mengharapkan agar kupasan-kupasan yang serba ringkas mengenai perniagaan kecil-kecilan akan dapat membantu pembaca menganalisis diri dan meningkatkan motivasi supaya dapat melakukan lebih daripada satu pekerjaan. Para penulis menyedari peranan ahli akademik bukan sahaja terhadap kepada menghasilkan penulisan yang mempunyai impak dan menaikkan kedudukan universiti semata-mata malah lebih ke arah fasilitasi dan penyebaran pengetahuan kepada masyarakat umum. Para penulis mengharapkan agar inti pati perbincangan daripada buku ini dapat memberi gambaran sebenar kepada pihak pembuat dasar dalam merangka strategi bagi memudahkan golongan B40 dan M40 untuk menjalankan perniagaan secara sambilan di Malaysia.

SINOPSIS BUKU



Qasyaf 80 : Kemala Yang Kami Kenali
Semenyih, Selangor : Nuha Creative Resources, 2022.
ISBN: 9789672456278

QASYAF 80 : Kemala yang Kami Kenali adalah sebuah kumpulan tulisan yang menghimpunkan anekdot, analisis karya, puisi dan catatan pengalaman yang menggambarkan penghargaan, inspirasi, pengalaman dan refleksi oleh penulis-penulis dari negara Malaysia, Indonesia, dan Brunei terhadap Kemala Sasterawan Negara Dato' Dr. Ahmad Khamal Abdullah. Kumpulan tulisan ini diterbitkan sebagai suatu hadiah dan penghargaan terhadap beliau yang sentiasa menggerakkan ilham untuk rakan penulis tempatan dan antarabangsa berkarya, berinteraksi dan menciptakan kegiatan sastera. Idea untuk mengumpulkan tulisan daripada pelbagai perspektif ini telah menemukan sejumlah rakan taulan yang sedia mencatatkan pengalaman dan pemerhatian masing-masing. Sekitar 40 orang penulis telah bergabung di dalam buku ini yang telah berkongsi pengalaman dan tanggapan masing-masing, termasuklah rakan sepengajian beliau, rakan sejawatan hinggalah kepada para penulis baharu yang terinspirasi dengan gaya kepengarangan mahupun kepimpinan sasteranya.

SINOPSIS BUKU



WADIASSOFI JAAFAR
Kumpulan Cerpen Kanak-Kanak : Sepakat Membawa Berkat

Sintok, Kedah : UUM Press,
2022.

ISBN: 9789672486718

Kumpulan Cerpen Kanak-Kanak "Sepakat Membawa Berkat" memuatkan 10 buah cerpen yang memaparkan mengenai dunia kanak-kanak yang penuh dengan cabaran dan dugaan agar golongan kanak-kanak mampu menjadi insan yang terbaik dalam kehidupan. Cabaran dan dugaan yang dihadapi menjadikan mereka warganegara yang berilmu, berwawasan dan bertanggungjawab. Ini mampu membentuk diri mereka menjadi anak dan murid berakhlak mulia, bersahsiah tinggi, menghormati ibu bapa, guru dan orang tua. Tema yang digarap dalam *Kumpulan Cerpen Kanak-Kanak "Sepakat Membawa Berkat"* ini mencakupi persoalan nilai kasih sayang, persahabatan dan kekeluargaan yang diharap mampu melahirkan seorang anak dan juga murid yang baik serta berwawasan. Dengan terbitnya *Kumpulan Cerpen Kanak-Kanak "Sepakat Membawa Berkat"* diharap dapat menambah jumlah buku sastera kanak-kanak yang bermutu sekaligus menyuntikkan semangat kanak-kanak dalam perjuangan hidup demi mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan.

SINOPSIS BUKU




NUR AIN NABILAH ABD
MAJID, ROHANI ABDUL
RAHIM, SALAWATI MAT BASI

**Ikatan Hutang Dalam
Pemerdagangan Orang di
Malaysia**

Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2021.
ISBN: 9789672513964

Buku ini membincangkan ikatan hutang yang digunakan sebagai mekanisme eksploitasi pemerdagangan orang di Malaysia. Mangsa ikatan hutang dibebankan dengan hutang yang berlebihan yang menyebabkan mangsa terperangkap dalam dunia perhambaan dan dieksploitasi untuk bekerja sebagai pekerja seks dan buruh paksa. Malaysia merupakan negara yang terkenal dalam kalangan pekerja asing sebagai negara transit atau negara penerima yang menyebabkan pekerja terdedah menjadi mangsa pemerdagangan orang dan ikatan hutang. Tujuan penulisan ini adalah untuk merungkai maksud ikatan hutang dalam konteks jenayah pemerdagangan orang di Malaysia dan perkaitan ikatan hutang yang menjadi punca berlakunya perhambaan zaman moden. Ia juga mengenalpasti perundangan Malaysia yang mencegah perlakuan ikatan hutang, serta mencadangkan langkah-langkah yang perlu untuk memerangi aktiviti ini dalam aspek pencegahan, pendakwaan dan perlindungan. Ikatan hutang dan perhambaan zaman moden berkait rapat kerana kedua-duanya mempunyai ciri yang sama iaitu kebebasan mangsa dibatasi sehingga terpaksa akur dan memenuhi kehendak pelaku.

SINOPSIS BUKU



SALMA SAMIDIN, JUMAT
SALIMON, MUHAMMAD
RAHIMI YUSOP
**Biopelincir Berasaskan
Minyak Sawit**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2021.
ISBN: 9789672513346

Penghasilan pelincir berasaskan sumber minyak sawit sangat pesat membangun di Malaysia. Minyak mineral dan terubah suai telah digunakan secara meluas bagi penghasilan minyak pelincir untuk kegunaan pelbagai sektor industri. Fenomena ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap alam sekitar disebabkan pelincir yang dipasarkan bersifat toksik dan tidak biodegrasi. Pelincir alternatif yang berasaskan sumber minyak sawit dapat menyelesaikan masalah ini kerana bahan mentah sawit dikenali sebagai minyak yang bersifat semula jadi dan boleh diperbaharui. Pelincir membantu mengurangkan kehausan yang berpunca daripada aktiviti geseran dan mencegah daripada berlakunya karat dan pengoksidaan. Sebatian kimia baharu berasaskan minyak sawit berjaya dihasilkan sebagai stok asas biolubrikan yang bersifat mesra alam melalui proses kimia. Buku ini memperincikan kaedah pembentukan dan pencirian sebatian kimia baharu secara fiziokimia. Proses ini berjaya menghasilkan sebanyak 95 peratus (bt/bt) hasil produk minyak pelincir. Produk pelincir berjaya dihasilkan dengan sifat fiziokimia, tribologi dan reologi yang baik dan boleh digunakan di negara beriklim tropika dan sejuk sederhana.

SINOPSIS BUKU



HENDUN ABD RAHMAN SHAH,
ADZIDAH YAAKOB, ABIDAH
ABD GHAFAR, ARIF FAHMI MD
YUSOF

**Dinamika Undang-Undang
Tanah Adat di Negeri Sembilan
: Perkembangan dan Isu
Undang-Undang**

Nilai, Negeri Sembilan :
Penerbit USIM, 2021.
ISBN: 9789674409463

Adat Perpatih sangat kaya dengan perbilangan atau teromba yang mengungkap pedoman serta nasihat kepada masyarakat. Perundangan tanah adat adalah unik dan tersendiri kerana Perkara 90 Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahawa tiada perundangan yang akan menjejaskan pemakaian dan peruntukan undang-undang tanah adat. Namun begitu, tanah adat tetap tidak terlepas daripada isu-isu berkaitan perlembagaan perundangan semasa. Buku ini melihat pengaruh undang-undang tanah adat ketika era pentadbiran British di Negeri Sembilan dan perkembangannya selepas era tersebut sehingga kini. Amalan tanah adat sedia ada adalah berdasarkan kepada kerangka undang-undang tanah adat yang telah pun berusia hampir satu abad. Justeru, ia memerlukan kepada pendekatan perundangan yang mengambil kira keperluan masyarakat moden, pembangunan ekonomi dan perkembangan perundangan semasa. Semoga singkapan sejarah dan amalan undang-undang adat di Negeri Sembilan dalam buku ini memberi manfaat terutamanya kepada generasi muda bagi memastikan kelangsungan Adat Perpatih sebagai undang-undang adat.

SINOPSIS BUKU




SHAFIE ABDUL RAHMAN,
NORFAZILLAH AB MANAN,
MAZRURA SAHANI, ROSNAH
ISMAIL

**Trend dan Risiko Pencemar
Udara : Kesan Kepada
Penyakit Jantung Dan Paru-
Paru**

Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2021.
ISBN: 9789672513872

Pencemaran udara sering dikaitkan dengan dua penyakit kronik seperti penyakit jantung dan paru-paru. Udara yang kotor, toksik, berminyak dan panas boleh mengganggu fungsi jantung dan paru-paru. Ini adalah kerana udara yang kotor boleh menyebabkan saluran darah utama ke jantung tersumbat. Jika keadaan ini berpanjangan, boleh menyebabkan kegagalan jantung dan kematian mengejut. Namun, kurangnya maklumat berkenaan isu ini serta kesannya kepada kesihatan manusia berdasarkan maklumat tempatan, mewajarkan isu ini diperhalusi. Buku ini memperihalkan trend pencemar udara di Malaysia, seperti zarah terampai (PM10), karbon monoksida (CO), nitrogen dioksida (NO₂), sulfur dioksida (SO₂), ozon (O₃) serta pengaruh persekitaran seperti suhu dan kelembapan relatif. Apakah hubungan faktor-faktor tersebut terhadap kejadian penyakit jantung dan paru-paru? Perbincangan dalam buku ini mengupas secara menarik tentang isu yang amat kritikal ini.

SINOPSIS BUKU




The Marine Ecosystems of Sabah

Kota Kinabalu, Sabah :
Penerbit Universiti Malaysia
Sabah, 2021.
ISBN: 9789672738022

This book successfully bridges the gap between academic text to an informal study of significance of life in the oceans around us, providing an ideal introduction to the subject for conservationists, hobbyist, policymakers and students. The book sheds light on the pressing issues and focuses on the areas of research that Sabah is experiencing today, as marine from the Borneo Marine Research Institute continue to advance in understanding the marine environment of Sabah in line with the priorities of the state and the country. Explore a wide range of topics from single-cell algae to large marine vertebrates, from hydrodynamics and water quality to effects of marine plastic pollution, from the biological to the physical and chemical aspects of the marine environment in Sabah. After going through each chapter, it gives the saying “Sabah is blessed with natural wonders” a deeper reflection of what the ocean means to the environment and the people of the state.


SINOPSIS BUKU



MOHAMMAD KAMARUDDIN
ZAINUL ABIDIN, SHUKOR MD
NOR, TUKIMAT LIHAN
**Beruang Matahari :
Kelestarian Landskap Habitat
di Semenanjung Malaysia**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2021.
ISBN: 9789672429586

Perangkaan strategi untuk melindungi habitat secara berkesan bergantung kepada input penyelidikan yang dilakukan secara intensif dan komprehensif. Namun begitu, aspek kesesuaian habitat serta rangkaian koridor beruang matahari di Semenanjung Malaysia masih kurang diselidik. Buku ini memfokuskan penelitian terhadap aspek kesesuaian habitat beruang matahari dan menilai kelestarian jaringan habitat beruang matahari di Semenanjung Malaysia. Algoritma MaxEnt (Maximum Entropy) digunakan untuk menghasilkan model kawasan potensi konflik dan model potensi kawasan sesuai. Kedua-dua model ini dibanding secara terperinci untuk menghasilkan model habitat sesuai beruang yang sebenar. Jaringan habitat beruang telah ditentukan melalui analisis 'kos minimum' dalam teknik permodelan koridor. Hasil pemetaan kesesuaian habitat serta permodelan koridor telah memberikan panduan untuk mengenal pasti kawasan teras yang perlu dilindungi.


SINOPSIS BUKU



Nilai Terapeutik Hasil Semula Jadi
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2020.
ISBN: 9789672512196

Amalan perubatan tradisional terutamanya dari tumbuh-tumbuhan kini diterokai secara saintifik bagi menyelami dan membongkar rahsia alam. Sememangnya tumbuh-tumbuhan mempunyai nilai perubatannya yang amat tinggi dan ini dikupas dalam Buku *Nilai Terapeutik Hasil Semula Jadi*. Buku ini menyingkap potensi tumbuhan dalam intervensi penyakit atau permasalahan berkaitan sistem kardiovaskular, sistem saraf pusat dan juga kulit. Sebatian aktif yang ada pada tumbuhan yang dikaji, menunjukkan aktiviti antihipertensi, antioksidasi, antiinflamasi, antikanser dan juga aktiviti penyembuhan luka pada haiwan model penyakit digunakan. Pendekatan melalui teknik in vivo (model haiwan ini mendedahkan hasil penyelidikan yang amat menggalakkan dan sesungguhnya berpotensi untuk dikembangkan ke peringkat seterusnya di masa hadapan. Penyelidikan ini dijalankan oleh sepasukan penyelidik di Pusat kajian Toksikologi dan Risiko (*Center for Toxicology and Health Risk Studies, CORE*) di Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.


SINOPSIS BUKU



SUHAILA M BUHARI, MARDINA
ABDULLAH
**Gelembung Plasma Ruang
Angkasa : Aplikasi GPS**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan Malaysia,
2020.
ISBN: 9789672511007

Fenomena gelembung plasma yang terapung di ruang angkasa kawasan khatulistiwa dikenali sebagai *equatorial plasma bubble*, PBB. PBB yang bersaiz gergasi boleh menyebabkan gangguan terhadap sistem navigasi dan komunikasi radio. Kebiasaannya PBB muncul secara berturutan pada waktu senja dan boleh berlarutan hingga pada dini hari. Namun, waktu dan lokasi kemunculan PBB sukar diramal ekoran kesukaran mengenal pasti punca awal pembentukannya. Keupayaan alat pencerapan seperti radar dan kamera optik masa kini masih terbatas dan sukar mengesan kehadirannya. Justeru, buku ini memperkenalkan satu kaedah baharu pencerapan struktur PBB dengan menggunakan data satelit navigasi GPS yang jitu lagi persis. Data GPS boleh diperolehi dengan mudah daripada rangkaian penerima yang padat di Malaysia dan negara jiran. Kaedah unik dalam buku ini dapat menentukan ciri-ciri PBB, iaitu kelajuan, arah pergerakan dan jangka hayatnya secara berterusan untuk suatu kawasan yang luas. Buku ini adalah penting bagi memahami proses fizikal pembentukan PBB dengan aplikasi GPS. Buku ini juga boleh digunakan untuk peramalan komunikasi radio dan cuaca angkasa.

SINOPSIS BUKU



NORSOFIAH ABU BAKAR,
MOHD KHAIDIR ABD WAHAB,
WAN AZNI WAN MOHAMAD
**Pengukuhan Bahasa Melayu
Untuk Pelajar Antarabangsa**
Kuala Lumpur : Institut
Terjemahan & Buku Malaysia
Berhad, 2021.
ISBN: 9789674608989

Buku *Pengukuhan Bahasa Melayu* untuk Pelajar Antarabangsa ini diterbitkan untuk membantu guru dan pelajar antarabangsa memahami serta menguasai lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Elemen tatabahasa dan budaya masyarakat Melayu yang dikemukakan dalam buku ini juga disusun berdasarkan tema kemahiran yang sama. Keistimewaan buku ini pertamanya, setiap kemahiran dikemukakan mengikut tahap yang paling asas sehinggalah yang paling sukar dengan tujuan membantu pelajar menguasai ketiga-tiga kemahiran ini. Kedua, bahagian tatabahasa pula memiliki dua aspek iaitu morfologi dan sintaksis. Perbincangan dalam bahagian ini dibuat berdasarkan kesalahan bahasa yang sering dilakukan oleh pelajar. Sehubungan itu, bahagian tatabahasa diharapkan dapat membantu pelajar untuk menguasai tatabahasa bahasa Melayu melalui rumus yang disediakan. Perbincangan ini juga menggunakan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015) sebagai rujukan utama. Bahagian ini membantu pelajar antarabangsa untuk mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa kedua atau Bahasa ketiga dan sebagainya.


SINOPSIS BUKU



MOHD. NOR ADZHAR IBRAHIM
Anak Kunci Menjemput Rezeki
Doa, Zikir & Amalan :
Syarahan Husul al-Rifq bi Usul
al-Rizq : al Hafiz Jalal al Din '
Abd al-Rahman al-Suyuti (W.
911H)
Selangor : Habibain Resources,
2021.
ISBN: 9789671546949

Kitab Husul al-Rifq merupakan sebahagian daripada koleksi emas yang ditulis oleh seorang ulama agung bernama al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman al-Suyuti (wafat 911H). Dalam kitab ini, al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman al-Suyuti telah mengumpulkan sejumlah 34 riwayat yang membincangkan mengenai rezeki, adab dan etika bagi meraihnya serta cara-cara memanfaatkannya. Penulis mengambil inisiatif untuk menterjemahkan kitab ini ke dalam Bahasa Malaysia agar ia dapat memberi lebih kebaikan kepada masyarakat umum. Penulis juga memberi sedikit komentar dan ulasan terhadap makna yang terkandung dalam riwayat-riwayat ini agar ia dapat difahami dan dihayati dengan lebih mendalam. Buku ini diharapkan dapat memberikan kesan yang baik dalam memahami konsep rezeki, sekaligus mengajak para pembaca menyedari kepentingan meraih rezeki dengan cara yang halal. Selain itu terdapat amalan yang boleh digunakan ketika berhadapan situasi getir diuji dengan kesempitan hidup. Buku ini dapat mendidik masyarakat punya keyakinan bahawa rezeki kita tidak pernah tersalah alamat dan sememangnya telah ditetapkan oleh Allah SWT.

SINOPSIS BUKU



INTAN NADIA GHULAM
KHAN, WAN SITI ADIBAH
WAN DAHALAN, ZULKIFLI
MOHD NOPIAH
**Solid Waste Management
Laws in Malaysia**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2020.
ISBN: 9789672512028

This book features the Legal and Institutional Framework of Solid Waste Management in Malaysia. This writing aims to identify the laws related with solid waste management in Malaysia and examine the adequacy of the laws. The findings of this writing indicates that existing laws on solid waste management in Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, and Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya are the Solid Waste and Public Cleansing Management Act 2007 and Solid Waste Public Cleansing Management Corporation Act 2007 (Act 673). This Act is not implemented in Perak, Selangor, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu and Federal Territory of Labuan. The public need to know about the existing laws relating to solid waste management because they deal with solid waste every day. This will also benefit the public in terms of enhancing participation in solid waste management practices. Hence this book is suitable for public reading, academics, tertiary students, environmentalists and legal practitioners.

SINOPSIS BUKU



NORSYAMIMI HASSIM,
MASTURAH MARKOM
**Pengindustrian Teknologi
Pengekstrakan Herba : Potensi
Herba Dukung Anak**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan Malaysia,
2021.
ISBN: 9789672512943

Masa depan pemprosesan tumbuhan herba menggunakan teknologi pengekstrakan di Malaysia adalah sangat cerah disebabkan oleh kekayaan sumber semulajadinya dengan pelbagai khasiat perubatan. Pengekstrakan bendalir lampau-genting (*Supercritical fluid extraction, SFE*) merupakan teknologi hijau yang semakin mendapat perhatian di seluruh dunia. Teknologi ini mampu mengurangkan risiko ke atas alam sekitar kerana penggunaan pelarut yang tidak toksik, iaitu karbon dioksida. Ia menyebabkan pembangunan produk kesihatan daripada tumbuhan herba untuk industri farmaseutikal dengan menggunakan teknologi ini semakin mendapat perhatian. Namun begitu, sehingga kini masih tiada loji perindustrian bagi proses ini untuk penghasilan produk daripada herba terpilih iaitu dukung anak. Ia adalah tumbuhan herba tempatan yang mengandungi banyak khasiat dan potensi perubatan. Secara amnya, buku ini memberi maklumat mengenai kondisi pengoperasian serta kaedah pengekstrakan yang terbaik untuk herba ini. Ia juga memberi maklumat dan panduan mengenai pembangunan skala naik bagi pemprosesan herba dukung anak menggunakan teknologi pengekstrakan SFE. Selain itu, ia turut mengulas potensi proses ini dari segi ekonomi untuk dibangunkan ke peringkat industri .


SINOPSIS BUKU



SARASWATHY KASAVAN,
AHMAD FARIZ MOHAMED,
SHARINA ABDUL HALIM
**Kelestarian Pengurusan Sisa
Makanan di Sektor
Perhotelan**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2021.
ISBN: 9789672513155

Buku ini membincangkan kecekapan penggunaan sumber yang penting dalam keperluan untuk kelestarian pengurusan sisa makanan bagi sektor perhotelan. Usaha mencapai kelestarian pengurusan sisa makanan di sektor hotel tidak lengkap tanpa menganalisis tingkah laku pihak pengurusan hotel dan juga mengenal pasti sebab-sebab yang menyumbang kepada penghasilan sisa makanan yang tinggi. Maka buku ini menggunakan model KAP (pengetahuan (K), sikap (A) dan amalan(P)) untuk menilai tingkah laku pihak pengurusan hotel untuk pengurusan sisa makanan. Dengan menggunakan kajian kes hotel di Pulau Langkawi, penelitian terhadap cabaran untuk pengurusan sisa makanan lestari telah dilaksanakan. Buku ini memberikan pengetahuan, maklumat dan idea kepada organisasi perhotelan dalam usaha untuk mengurus sisa makanan dengan pendekatan lestari terutamanya untuk mengurangkan penghasilan sisa makanan dan pada masa yang sama dapat menjimatkan kos operasi hotel, serta mengekalkan aspirasi hotel ke arah amalan mesra alam.


SINOPSIS BUKU



Di Sebalik Tabir Bahasa Arab
Kota Kinabalu, Sabah :
Penerbit Universiti Malaysia
Sabah, 2020.
ISBN: 97896729623046

Bahasa Arab akan menjadi lebih mudah dan menyenangkan untuk dipelajari jika dapat dikuasai dengan baik. Penguasaan bahasa Arab tidak terbatas dalam bidang pendidikan semata-mata tetapi mencakupi aspek kehidupan yang lebih luas. Maka, buku ini dihasilkan untuk membawa pelajar mendekati kaedah pembelajaran bahasa Arab secara lebih terbuka. Ia bukan sahaja diperolehi melalui perkongsian pengalaman pensyarah berpengalaman tetapi juga berdasarkan formula terkini, aplikasi interaktif dan strategi pembelajaran yang berkesan yang turut sama dirungkai di sebalik tabir mempelajari bahasa Arab. Bahasa Arab mudah dikuasai sekiranya berjaya menarik minat pelajar. Justeru, diharapkan perkongsian motivasi oleh pelajar yang pernah mempelajari bahasa Arab dapat memupuk minat pelajar agar dapat bersama-sama menghayati kepentingan bahasa Arab yang dapat diterapkan dalam kehidupan seharian. Buku ini sesuai dijadikan rujukan dan bahan bacaan kepada mereka yang ingin mendalami bahasa Arab.

SINOPSIS BUKU




NURUL HUDANI BT MD NAWI,
CHUA BEE SEOK, ISMAIL
MAAKIP, RAZIMA HANIM
OSMAN

Psikologi Organisasi
Kota Kinabalu, Sabah :
Penerbit Universiti Malaysia
Sabah, 2020.
ISBN: 9789672166825

Buku ini memfokuskan aspek-aspek penting yang berupaya meningkatkan keberkesanan pekerja dalam industri masing-masing. Pemimpin dan pekerja yang berkesan mempunyai hubungan yang signifikan dengan peningkatan prestasi dalam sesebuah organisasi. Perbincangan dalam buku ini merangkumi ilmu perilaku dalam dunia kerja yang tidak terlepas daripada perbahasan dalam konteks psikologi organisasi. Antara topik yang dibincangkan dalam buku ini ialah teori organisasi, psikologi organisasi, kepemimpinan, konflik dalam organisasi, kepuasan bekerja, pengurusan tekanan dan persepsi dan proses membuat keputusan. Buku ini sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan umum, khususnya kepada pelajar dan mereka yang terlibat dalam pengurusan industri dan organisasi.


SINOPSIS BUKU



IKHWAN SANI MOHAMAD,
LEOW VOON MENG
**Apa Yang Anda Perlu Ketahui
Tentang Jaundis**
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2020.
ISBN: 9789834929220

Jaundis atau gejala kuning yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia tanpa mengira bangsa, jantina, dewasa mahupun kanak-kanak. Gejala ini sering disalah tafsir sebagai keadaan normal bersandarkan kejadian yang biasa berlaku pada minggu pertama kelahiran bayi. Awas! Sekiranya jaundis menyerang anda atau anggota keluarga terdekat, bertindak dengan segera kerana punca gejala mungkin disebabkan oleh keabnormal fungsi badan sama ada hemolisis sel darah yang meningkat atau fungsi hati dan salur hempedu yang mengalami gangguan. Jangan pandang remeh akan gejala jaundis kerana kemunculannya mampu meragut nyawa jika tidak dirawat dengan segera. Buku ini adalah hasil tulisan dua Pakar Perundingan Pembedahan Hepatopankreatikobiliari (hati, pankreas dan hempedu) bagi memperoleh penerangan lanjut mengenai gejala jaundis, kaedah pengesanan, penyiasatan dan rawatan kepada pesakit.


SINOPSIS BUKU



NAZRI HUSSEIN
**Novel Sejarah : Istana
Menghadap Laut**
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2021.
ISBN: 9789834929794

“CINTA dan kasihku terhadap syair Melayu tidak pernah ada surutnya. Inilah kecintaanku terhadap bahasa ibundaku sendiri, iaitu bahasa Melayu bertulisan Jawi yang tidak akan luput buat selama-lamanya. Bahasa tercinta yang perlu dipertahankan dengan keringat dan semangat yang meluap-luap sepertimana perjuangan mempertahankan akidah agama yang satu di negeri berdaulat ini.” Bakat kepengarangan dan cinta yang terserlah dalam diri Tengku Dalam Kalthum ibni Tengku Wook Khazaki terhadap dunia penulisan tidak disangkal lagi. Tengku Dalam Kalthum berusaha untuk membuktikan bahawa darah kebangsawanannya tidak pernah sama sekali membenci tradisi dan budaya bangsa Melayu. Kisah perjuangan seorang ulama hebat, iaitu Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Haji Hamid sewaktu berhadapan dengan ancaman kolonial di Terengganu pada awal abad ke-20 dicoretkan dengan penuh rasa bangga. Begitu juga dengan semua kisah yang berlaku dalam Istana Maziah sewaktu penjajah Inggeris mula campur tangan dalam urusan pentadbiran.


SINOPSIS BUKU



SALMIAH KASMUNI
Novel Sejarah: Cinta
Bangsawan
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa
dan Pustaka, 2021.
ISBN: 9789834929732

Cinta Bangsawan mengisahkan sejarah Johor dengan tumpuan kepada ketokohan Sultan Abu Bakar bin Temenggung Daeng Ibrahim (1833-1895), Sultan Johor yang pertama. Sejarah perebutan takhta di Pahang, penglibatan Inggeris di Johor, Perang Jementah (1879), pembukaan dan pembangunan Muar Bandar Maharani, serta perkahwinan diraja dengan kerabat Turki turut dipaparkan dalam novel ini. Ketokohan dan kejayaan Sultan Abu Bakar sejak remaja dalam menghadapi pengaruh Barat di Johor sehinggalah baginda digambarkan sebagai pembangunan negeri Johor dari segi ekonomi, bidang perindustrian mahupun dalam pertanian. Kebijaksanaan baginda turut terserlah dalam aspek pentadbiran dengan cara menubuhkan pelbagai jabatan. Baginda menggalakkan anak-anak Johor menuntut ilmu ke peringkat yang lebih tinggi. Ketokohan Sultan Abu Bakar yang sangat terpuji dan berpengaruh ini, menjadikan baginda digelar sebagai Bapa Pemodenan Johor.


SINOPSIS BUKU



HATTA SIDI & MOHAMED
HATTA SHAHAROM
**Mengurus Stres Pendekatan
Yang Praktikal Edisi Kedua**
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa
Pustaka, 2020.
ISBN: 9789834926762

Kehidupan manusia pada alaf ini amat mencabar dan kompleks. Kepelbagaian dan kehidupan yang kompleks ini menyebabkan munculnya suatu sindrom baru yang menyerang manusia, iaitu penyakit yang berkaitan dengan stres. Sebenarnya stres merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia sejak dahulu lagi. Tanpa disedari bebanan daripada stres berubah wajah mengikut peredaran masa. Stres dalam kehidupan manusia amat berkaitan dengan isu kekeluargaan, proses urbanisasi dan kejutan budaya terhadap perkembangan pemodenan. Stres ialah fenomena pelbagai dimensi yang mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kehidupan dan jiwa manusia. Hal ini dibuktikan dengan pertambahan kadar penyakit psikiatri dan gejala sosial. Buku ini memberi penerangan tentang stres dengan pengenalan yang ringan, diikuti dengan perbincangan yang lebih ilmiah. Buku ini juga membincangkan stres secara berperingkat bagi memudahkan pembaca memahami prinsip, teori, asal usul dan mekanisme stres dan penyakit yang berkaitan. Pengurusan stres secara holistik dengan mengambil kira pelbagai aspek kesihatan mental yang anjal terhadap cabaran, tekanan dan persaingan turut diutarakan di dalam buku ini.

SINOPSIS BUKU




FARAH AYUNI FARINORDIN,
ABDULLAH SAMAT, SHUKOR
MD NOR

**Morfologi Sisik Ikan Siproinid
Cyprinidae**

Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2021.
ISBN: 9789672513131

Sisik merupakan struktur terbitan dari kulit yang terlekat pada badan ikan serta mempunyai pelbagai morfologi tersembunyi yang digunakan untuk pengecaman. Sehingga kini, pengecaman taksa ikan menggunakan sisik bukanlah teknik yang diamalkan secara meluas terutamanya di kawasan tropika. Kaedah pengecaman ini penting terutamanya sebagai pembangunan teknik pengecaman alternatif melalui sisik, sekiranya teknik konvensional pengecaman iaitu berdasarkan morfologi luaran badan ikan tidak dapat diaplikasikan. Fokus utama adalah terhadap spesies ikan siprinid iaitu spesies yang mendominasi habitat air tawar di Malaysia. Objektif buku ini adalah untuk menentukan ciri-ciri sepunya, ciri-ciri pembeza, variasi dalam kalangan taksa sisik, serta membangunkan kekunci dikotomi untuk subfamili, genus dan spesies berdasarkan ciri-ciri dan variasi tersebut. Sampel ikan siprinid yang terpilih adalah mewakili 6 subfamili, 26 genus dan 35 spesies. Pembangunan teknik pengecaman taksa ikan siprinid menggunakan morfologi sisik mampu menjadi alternatif dalam teknik pengecaman ikan dan memberi sumbangan dalam perkembangan kajian forensik ikan.

SINOPSIS BUKU



RAFE RAHMAT &
HAIRIL ANUAR
Malaya 1941
Kuala Lumpur : Patriots
Publishing Sdn Bhd , 2020.
ISBN: 9789672437048

Pada tahun 1940, panglima-panglima perang Jepun harus bersepakat dengan kata putus. Mereka hanya mempunyai dua pilihan iaitu – Hokushin-ron (Jalan ke Utara) atau Nanshin-ron (Jalan ke Selatan). Hokushin-ron ialah doktrin perluasan kuasa Jepun yang menyasarkan kawasan sebelah utara Jepun, yakni Manchuria dan Siberia yang telah dinilai potensinya dari aspek politikal dan ekonomi kepada empayar Jepun. Sementara Nanshin-ron pula ialah doktrin perluasan ke selatan yang menyasarkan kawasan Asia Tenggara yang kaya dengan sumber asli yang sangat kritikal kepada empayar Jepun. Jepun tidak berasa bersalah untuk menjajah kerana menganggap mereka setaraf dengan kuasa-kuasa Barat yang telah pun memiliki empayar dan jajahan yang luas. Walau bagaimanapun, laporan Kolonel Masanobu Tsuji yang merupakan ketua kepada Unit Penyelidikan Tentera Taiwan turut dikenali sebagai Unit No. 82 mendakwa bahawa bekalan bahan api bagi kegunaan keseluruhan tentera Jepun hanya boleh bertahan selama setahun sahaja sekiranya mereka berperang dengan Kesatuan Soviet. Oleh itu, Kolonel Tsuji dipertanggungjawabkan untuk merancang kemaraan Jepun ke Asia Tenggara yang melibatkan Malaya, Filipina, Borneo serta Hindia Timur Belanda (kini Indonesia).

SINOPSIS BUKU



NORFAZILAH AHMAD, NOR
AZIAN ABDUL MURAD ,
RAHMAN JAMAL


**Penyakit Buah Pinggang
Kronik Interaksi Genetik dan
Persekitaran**

Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2021.

ISBN: 9789672513650

Pelbagai usaha telah dijalankan secara menyeluruh untuk mengenal pasti faktor genetik dan persekitaran bagi penyakit buah pinggang kronik dalam kalangan pesakit diabetes. Walau bagaimanapun, terdapat jurang ilmu mengenai peranan interaksi antara genetik dan persekitaran dengan penyakit kronik ini. Faktor persekitaran adalah faktor utama yang meningkatkan risiko pesakit terhadap penyakit renal kronik, terutama bagi pesakit di dalam persekitaran berisiko tinggi. Faktor persekitaran berisiko tinggi yang dimaksudkan seperti peningkatan umur, jantina lelaki, status merokok, pesakit obes berdasarkan ukur lilit pinggang dan paras lemak dalam darah tidak terkawal. Ini menunjukkan fokus pencegahan dan perawatan terhadap penyakit renal kronik melalui modifikasi faktor persekitaran yang boleh diubah suai adalah bertepatan. Manakala, faktor genetik mempunyai kesan yang kecil terhadap penyakit buah pinggang kronik. Kesan faktor persekitaran yang besar dan faktor genetik yang kecil terhadap penyakit renal kronik dalam kalangan pesakit diabetes ini adalah contoh yang tepat bagi sesuatu penyakit kronik yang kompleks.


SINOPSIS BUKU



ROSTNAH ISMAIL, ZAWIAH
MANSOR, NOOR HASSIM
ISMAIL, JAMAL HISHAM
HASHIM
Penyakit Haba
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2021.
ISBN: 9789672512936

Penyakit haba disebabkan oleh dedahan haba yang tinggi di persekitaran kerja luar akibat fenomena perubahan iklim. Haba tinggi antara 28.05°C hingga 38.76°C adalah merbahaya pada suhu normal manusia iaitu $36.8 \pm 0.5^\circ\text{C}$. Perubahan suhu yang tinggi boleh membahayakan fizikal badan dan boleh menyebabkan strok haba, apabila suhu teras badan manusia melebihi 40.6°C. Buku ini memberi penjelasan secara terperinci berkenaan faktor penyakit haba seperti faktor individu, beban kerja dan tegasan haba di tempat. Pelbagai faktor individu telah dikupas dari segi sosiodemografik (umur, jantina dan bangsa), faktor fisiologi (indeks jisim tubuh, kadar metabolik, status hidrasi, penyakit medikal) dan faktor tingkahlaku (pengambilan alkohol, jenis material pakaian semasa bekerja, pengambilan ubatan, jenis air minuman, keteraturan masa dan jumlah air yang diminum). Faktor ini perlu dikenalpasti agar langkah pencegahan yang sesuai boleh dilaksanakan. Pemantauan tahap hidrasi melalui perubahan tona warna air kencing adalah cara yang paling mudah dilakukan.

SINOPSIS BUKU



MHD. IKHWANUDDIN,
NOORBAIDURI SHAIBANI,
AZMIE GHAZALI, SYAHNON
MOHAMMAD

**Managing Indigenous
Knowledge for Sustainable
Mud Crab Aquaculture
Production : A Manual for
Broodstock Propagation**

Kuala Nerus, Terengganu :
Penerbit Universiti Sultan
Zainal Abidin, 2019.

ISBN: 9789672320562

This book discusses exclusively the breeding and production of mud crabs. It is also a compilation of scientific studies and indigenous knowledge shared by fishermen and local communities. In fact, the local fishing community has extensive knowledge of their environment especially in mud crabs, from breeding to marketing. This knowledge is passed down from generation to generation informally. Unfortunately, such knowledge is not well documented in formal form. On the other hand, various scientific discoveries have been made by UMT researchers, where this knowledge are well documented in the formal document such as journals, books and scientific reports. The knowledge possessed by the natives and the scientific discoveries have many similarities, but are presented in different perspectives. Taking these into account, these two perspectives have been combined and documented to help farmers in developing their own crab hatchery, as well as assist in the management of mud crab industry.

SINOPSIS BUKU



Asas Pemasaran untuk Usahawan

Kuala Nerus, Terengganu :
Penerbit Universiti Sultan
Zainal Abidin, 2020.
ISBN: 9789672231714

Buku *Asas Pemasaran untuk Usahawan* adalah kompilasi karya yang membincangkan strategi perancangan pemasaran untuk usahawan mikro dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Ia direka khusus untuk membantu pembaca mendapatkan pengetahuan dan pendedahan dalam bidang pemasaran, terutamanya kepada usahawan PKS dan juga pelajar Institusi Pengajian Tinggi di seluruh negara. Buku ini boleh dijadikan rujukan bagi merancang strategi pemasaran yang efektif dalam menghadapi persaingan yang kompetitif. Turut disentuh ialah teori dan konsep asas pemasaran yang boleh diaplikasi oleh usahawan yang baru memulakan perniagaan ataupun yang telah lama berkecimpung di dalam bidang ini. Selain itu, buku ini membincangkan kaedah untuk membina strategi yang berkesan kepada usahawan apabila hendak memasarkan produk seperti; membangunkan produk dan perkhidmatan, mengenalpasti lokasi pasaran, memilih segmen pasaran yang baik, cara berkesan untuk membina perhubungan pelanggan dan membina strategi promosi yang menarik.